



Perutusan Pengerusi

Ini merupakan Perutusan Pengerusi pertama saya kepada para pemegang saham sejak dilantik pada tahun 2021 dan saya dengan sukacitanya melaporkan bahawa Kumpulan Maxis telah mencatatkan prestasi yang baik dalam menyampaikan strategi dan prospek yang ditetapkan kepada para pemegang saham.

Dunia terus berdepan dengan persekitaran yang mencabar setahun selepas COVID-19 melanda pasaran global. Pelanjutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan juga sekatan pergerakan memberi tekanan lebih teruk kepada rakyat dan perniagaan apabila ekonomi negara terus terjejas dengan tekanan deflasi berikutan kekurangan permintaan. Namun demikian, terdapat penambahbaikan ketara pada 2021 apabila rakyat Malaysia mempamerkan kesungguhan dan kepantasan mereka dalam mengadaptasi pendigitalan. Ini seterusnya membawa kepada anjakan besar yang mengubah gaya hidup dan cara kita berhubung antara satu sama lain.

Para pengguna dan perniagaan telah menerima norma baharu melalui pelbagai tahap penggunaan digital. Perniagaan yang telah memulakan inisiatif transformasi digital mereka pada tahun 2020 telah meraih manfaat daripada penggunaan saluran, peralatan dan teknologi digital. Sepanjang tempoh ini, peranan yang dimainkan oleh infrastruktur kesalinghubungan dalam menggerakkan revolusi digital kini bertambah penting.

Di Maxis, kami komited untuk melabur dalam infrastruktur komunikasi negara dengan menawarkan perkhidmatan yang terbaik dalam teknologi 4G, 5G dan fiber kepada pelanggan kami. Melalui kerjasama dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), kami menyokong inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA) untuk menyediakan liputan yang lebih meluas dan kualiti pengalaman jalur lebar yang lebih baik kepada Rakyat. Kami juga komited untuk menyokong MyDIGITAL, iaitu inisiatif yang dilancarkan oleh Kerajaan untuk mendorong transformasi Malaysia sebagai negara berpendapatan tinggi yang dipacu pendigitalan.

Penyelesaian konvergen dan strategi kami yang mengutamakan digital telah terbukti berjaya apabila kami mencatatkan perolehan yang stabil dan tarikan pasaran yang kukuh terhadap produk dan perkhidmatan kami. Syabas saya ucapkan kepada Lembaga Pengarah atas kecekapan dan ketegasan mereka dalam bertindak balas terhadap persekitaran yang tidak menentu, di samping mengimbangi pengurangan risiko dan memanfaatkan sepenuhnya peluang



yang ada. Selain melindungi keutuhan organisasi dalam jangka pendek, sederhana dan panjang, Lembaga Pengarah dan saya juga komited dalam memastikan kecekapan tadbir urus korporat untuk memenuhi kehendak semua pihak berkepentingan demi kemampanan dan prestasi kewangan yang lebih baik.

TAHUN DALAM TINJAUAN

Pada separuh pertama tahun ini, perniagaan, terutamanya perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) menghadapi tekanan daripada kesan pandemik. Separuh kedua tahun pula menyaksikan pengurangan ketara dalam jumlah kes harian apabila rakyat mula menerima norma baharu dan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh kerajaan. Program vaksinasi kebangsaan juga telah mula membuah hasil dengan berkurangnya kes-kes yang serius. Kebanyakan tempat di negara memasuki Fasa 4 Pelan Pemulihan Negara menjelang suku ke-4 2021, yang menyaksikan penyambungan semula kebanyakan aktiviti ekonomi dan sosial.

“Maxis terus mempergiat usaha untuk menjadi lebih mampan dalam amalan perniagaan kami ketika berurusan dengan semua pihak berkepentingan, menghubungkan sesama insan, dan berusaha ke arah neutraliti karbon dalam rangkaian dan operasi kami.”

Di sebalik persekitaran luar yang sukar sepanjang tahun, Maxis mengekalkan kedudukan kewangan yang kukuh hasil pengendalian kewangan yang cekap. Kami sentiasa mempergiat usaha untuk memaksimumkan nilai pemegang saham yang mampan berdasarkan prestasi kami, Lembaga Pengarah telah mengisytiharkan dividen akhir sebanyak 17 sen sesaham dengan jumlah pembayaran sebanyak RM1.33 bilion.

Strategi jangka panjang Maxis, atau MAX Plan, telah meletakkan kami pada sasaran pertumbuhan yang baik dan memperkuat kepimpinan dalam industri. Tumpuan strategi tersebut adalah untuk mengukuhkan tawaran nilai teras kami yang meliputi semua segmen pelanggan merangkumi

pengguna dan perniagaan. Pelan penciptaan nilai sentiasa bertumpu kepada matlamat kami untuk menggabungkan teknologi terbaik bagi membolehkan individu, perniagaan dan negara sentiasa diutamakan dalam persekitaran dunia yang berubah-ubah.

Inisiatif ke arah kelestarian meraih lebih banyak tumpuan pada tahun lalu terutamanya menjelang sidang kemuncak COP26 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan Maxis terus mempergiat usaha untuk menjadi lebih mampan dalam amalan perniagaan kami ketika berurusan dengan semua pihak berkepentingan, menghubungkan sesama insan, dan berusaha ke arah neutraliti karbon dalam rangkaian dan operasi kami.





TANGGUNGJAWAB KORPORAT

Sebagai sebuah syarikat penyelesaian konvergen terkemuka di Malaysia, kami amat sedar akan tanggungjawab kami selaku warga korporat dan kekal komited terhadap ikrar untuk menyumbang sebanyak 1% daripada keuntungan sebelum cukai kepada tanggungjawab sosial korporat. Kami telah melipatgandakan usaha untuk memastikan komuniti yang menghadapi kesukaran hidup disokong melalui program tanggungjawab korporat kami.

Pada tahun berkenaan, Maxis menyokong komuniti yang terjejas akibat banjir dan pandemik melalui bantuan makanan, manakala inisiatif ketika musim perayaan juga bertumpu kepada sokongan berkaitan dengan pandemik, iaitu pengagihan bantuan khususnya kepada mereka daripada golongan B40. Kami turut menghulurkan bantuan kewangan dan tajaan untuk menyokong program vaksinasi kebangsaan dengan kerjasama pelbagai NGO.

Menumpukan terhadap pendidikan sebagai teras inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat kami, program komuniti utama kami,

eKelas, terus berkembang di mana lebih 50,000 pelajar dari lebih 600 sekolah kini telah memanfaatkan program ini melalui portal eKelas. Pada tahun 2021, kami melancarkan aplikasi mudah alih eKelas pertama, yang menyediakan fleksibiliti dan kemudahan kepada pelajar, guru dan ibu bapa untuk mengakses kandungan yang tersedia di mana sahaja. Aplikasi tersebut menawarkan lebih 3,000 unit kandungan bersaiz kecil bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, Matematik dan Sains.

Pada tahun 2021, kami juga telah melancarkan eKelas Usahawan, sebuah program untuk memperkasa usahawan wanita bagi membangunkan lagi keupayaan digital agar mereka dapat mengembangkan perniagaan dan meningkatkan peluang pendapatan mereka. Sehingga kini, kami telah berjaya melatih lebih 1,000 usahawan wanita.

Sementara itu, kami juga komited untuk menyediakan lebih banyak kemudahan akses peranti dan peralatan dengan menyumbang peranti kepada sekolah di bawah program #MyBaikHati. Di samping itu, bersama-sama industri telekomunikasi, kami menyediakan data dan pakej kesalinghubungan percuma di bawah beberapa inisiatif kerajaan.



PROSPEK MASA DEPAN

Prospek ekonomi global dijangka lemah dalam jangka pendek dan sederhana, berikutan ketidakpastian berterusan yang timbul daripada pandemik di peringkat global. Ini sudah pastinya memberi kesan kepada ekonomi Malaysia, walaupun prospek tempatan kekal optimistik namun masih berwaspada dalam waktu yang sama, kita telah menyaksikan aktiviti ekonomi digiatkan semula dan mencatatkan kadar vaksinasi negara yang tinggi. Sektor telekomunikasi mempunyai daya tahan semula jadi berdasarkan ciri-ciri penting kesalinghubungan dalam era digital moden ini. Kelebihannya ialah pandemik ini terus mempercepat penggunaan digital di negara kita, khususnya dalam kalangan perniagaan Malaysia yang kini menganggap digital sebagai kunci kepada pertumbuhan dan kelestarian perniagaan mereka.

Perjalanan ke arah menjadi syarikat yang mengutamakan digital amat bergantung kepada keupayaan kami untuk menarik bakat terbaik. Salah satu prinsip MAX Plan ialah persamaan bakat. Sebagai peneraju penyedia penyelesaian konvergen di Malaysia, kami berada dalam kedudukan yang baik untuk menetapkan piawaian tinggi sebagai majikan pilihan. Kakitangan kami sudah pun menerimapiakai dan komited dengan strategi kami, dan juga memahami kepentingan menjadi cekap dan inovatif untuk menerajui landskap telekomunikasi yang semakin dinamik. Pelan modal insan kami terus teguh untuk memacu kemajuan pemikiran dan keupayaan tenaga kerja kami—untuk masa kini dan masa hadapan. Kami komited untuk menarik dan memupuk ramai individu berbakat yang akan terus memperjuangkan 'Maxis Way', agar mereka dapat memainkan peranan dan menyumbang ke arah pencapaian agenda digital negara.

Lembaga Pengarah, Pasukan Pengurusan Maxis dan pekerja kami terus bertekad dalam penciptaan nilai untuk memacu langkah Maxis ke hadapan. Pelanggan kami kini mengharapkan lebih banyak sokongan daripada rangkaian kami dan kami akan terus gigih berusaha menyediakan teknologi dan perkhidmatan digital yang terbaik.

Selain daripada matlamat kewangan syarikat, kami juga komited untuk membina sebuah syarikat lestari yang mendukung amalan terbaik Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) dalam apa jua yang kami lakukan. Kami teruja dengan seruan untuk bertindak oleh gerakan ESG di peringkat global yang mengetengahkan perubahan iklim sebagai satu ancaman masa kini di seluruh dunia dan kami bertanggungjawab untuk melaksanakan langkah-langkah tegas dalam mengurangkan jejak karbon dalam operasi kami. Di samping kelestarian alam sekitar, kami turut mempertimbangkan kelestarian sosial dan tadbir urus untuk meningkatkan daya tahan perniagaan dan memastikan daya maju syarikat dalam jangka panjang. Maxis sedang berusaha ke arah membangunkan strategi ESG yang komprehensif bagi melipatgandakan inisiatif kelestarian kami yang sedia ada dan memacu kami ke hadapan sebagai rakan dalam pembinaan negara dan memberi sumbangan yang lebih besar kepada masyarakat, planet dan manusia sejagat. Pihak berkepentingan kami mengharapkan yang terbaik dan kami akan berusaha untuk menyampaikannya.

Kami kekal mematuhi Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia, komited terhadap Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2021 dan terus memantapkan polisi dan prosedur kami yang sedia ada berhubung mana-mana amalan sogokan dan rasuah melalui sistem Pencegahan Sogokan dan Rasuah Maxis, berpandukan Garis Panduan Tatacara Mencukupi yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri. Pada setiap tahun, Lembaga Pengarah meluluskan Ikrar Integriti yang menggariskan pendirian kami terhadap amalan sogokan dan rasuah. Kami komited untuk menjalankan perniagaan secara profesional, beretika, dengan piawaian integriti tertinggi di samping mematuhi semua undang-undang pencegahan sogokan dan rasuah, serta keperluan tadbir urus yang sedia ada.

+ Baca selanjutnya di muka surat 102 hingga 117.

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin menyampaikan penghargaan kepada semua pekerja barisan hadapan di seluruh negara yang telah bertungkus-lumus selama hampir dua tahun melawan pandemik ini. Usaha gigih dan pengorbanan mereka yang tidak berbelah bahagi telah menyumbang kepada kejayaan berterusan Pelan Pemulihan Negara dan memberi harapan kepada Rakyat bahawa Malaysia akan bangkit daripada pandemik ini dengan lebih kuat dan berdaya tahan. Kami amat berterima kasih kepada mereka yang berada di barisan hadapan perubahan, mereka yang bertanggungjawab memelihara undang-undang dan ketenteraman, serta kepada mereka yang memastikan perkhidmatan penting kami dan ekonomi kita terus beroperasi.

Kakitangan kami merupakan aset yang paling berharga, dan ini dapat dilihat dalam interaksi harian mereka bersama pelanggan kami, memastikan rangkaian beroperasi, dan berusaha dalam menyampaikan tujuan jenama kami. Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada setiap seorang daripada mereka atas dedikasi, usaha gigih, serta pemikiran 'What's Possible' mereka sepanjang tahun ini.

Tidak lupa juga penghargaan khas ditujukan kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) atas pengawasan mereka terhadap sektor telekomunikasi. Rangka kerja kawal selia yang mereka sediakan, serta libat urus yang berterusan bersama pihak berkepentingan amat bermanfaat demi pertumbuhan dan pembangunan industri.

Kepada para pemegang saham kami, terima kasih atas keyakinan berterusan anda terhadap kami dalam melaksanakan strategi untuk membawa Maxis melangkah ke hadapan. Kami yakin bahawa strategi pertumbuhan kami akan memastikan Maxis kekal berdaya saing dan relevan dalam pasaran yang semakin kompetitif dalam menyokong usaha memaksimumkan nilai pemegang saham dan pihak berkepentingan kami.

Kami amat menghargai kesetiaan para pelanggan Maxis yang sekian lama sentiasa menyokong kami. Pasukan Maxis bekerja tanpa jemu demi menyumbang khidmat kepada mereka. Kami juga ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan perniagaan kami yang berkongsi aspirasi dan visi kami untuk menjadi rakan teknologi No. 1 terutamanya kepada pelanggan perusahaan kami.

Sejujurnya, kami juga menghargai manfaat yang diraih dari kebijaksanaan dan tunjuk ajar daripada rakan-rakan Lembaga Pengarah saya.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Pasukan Pengurusan, yang diterajui oleh Ketua Pegawai Eksekutif kami Gokhan Ogut. Pasukan ini terus menyampaikan strategi kami dalam persekitaran perniagaan yang amat mencabar. Saya yakin bahawa mereka kini amat bersedia untuk membawa Maxis ke arah pencapaian visi dengan skala yang lebih besar dalam memacu perjalanan kami ke arah menjadi sebuah syarikat yang cemerlang dan menyokong dalam pembangunan negara.

TAN SRI MOKHZANI BIN MAHATHIR